

Headline	Program PINTAR latih 60,000 pelajar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Supplement	Page No	A11
ArticleSize	377 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	IDR 182,811,429		



# Program PINTAR latih 60,000 pelajar

SERAMAI 60,000 pelajar di seluruh negara dijangka mendapat manfaat daripada Program PINTAR, untuk meningkatkan tahap pembelajaran dalam kalangan murid-murid sekolah tahun depan.

Ketua, Pembangunan dan Pengurusan Program PINTAR Foundation, Norzalina Masom berkata, sehingga kini seramai 600,000 pelajar telah mengikuti program ini bagi di seluruh negara.

"Pelajar-pelajar sekolah akan diberi pendedahan meluas tentang peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) secara latih tubi disamping program motivasi untuk meningkatkan tahap pembelajaran mereka," katanya.

PINTAR Foundation merupakan sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan diurus tadbir oleh barisan profesional berpengalaman yang bertindak sebagai Lembaga Pemegang Amanah PINTAR.

Yayasan ini ditubuhkan pada bulan Ogos 2008 untuk merangka, menyelaras dan melaksanakan aktiviti berkaitan di bawah program sekolah angkat PINTAR.

Ia juga bagi memberi inspirasi kepada generasi muda untuk menjadi bakal pemimpin pada masa hadapan melalui mempromosi kebijaksanaan, memupuk bakat dan membina sahsiah.

Dalam bidang pendidikan, ia bukanlah tertumpu kepada pencapaian akademik semata-mata malah merangkumi pembentukan generasi muda yang terbilang dan warganegara yang bertanggungjawab.

Program PINTAR dibentuk berpandukan kepada empat model teras, iaitu Program Motivasi dan Bina Semangat, Program Bantuan Pembelajaran, Pembinaan Kemahiran dan Kapasiti serta Isu Sosial.

Ia dirangka dengan visi untuk memotivasi dan memberikan inspirasi kepada generasi muda supaya menjadikan pendidikan sebagai salah satu tunjang penting bagi meningkatkan taraf hidup kanak-kanak Malaysia, tanpa mengira lokasi mereka berada, latar belakang sosial dan etnik kaum dengan memberi mereka bantuan yang diperlukan terutamanya dalam pendidikan. Sokongan penuh daripada kerajaan dan galakan yang memberangsangkan daripada warga korporat dijangka akan dapat membantu merealisasikan hasrat ini.

Melalui pelbagai program yang

dilaksanakan setakat ini, masih lagi terdapat jurang kelemahan dan keterbatasan yang perlu diatasi.

"Oleh itu, kami mengalu-alukan mana-mana organisasi untuk berganding bahu dengan kami merealisasikan objektif program ini bagi membantu pelajar luar bandar agar setanding dengan pelajar bandar.

"Sebagai organisasi yang disegani di Malaysia, kami percaya usahasama ini akan memberi manfaat kepada pelajar dalam membentuk dan melatih mereka sebagai pemimpin negara di masa hadapan," katanya.

Norzalina berkata, selain daripada pelajar, program khas kepada guru besar dan penolong kanan sekolah turut diadakan untuk meningkatkan kepimpinan sekolah.

"Tiap-tiap tahun sebanyak 50 buah sekolah akan mengambil bahagian untuk meningkatkan prestasi sekolah serta mewujudkan kepimpinan yang berjaya," katanya.

## Apa kata pengetua sekolah kluster cemerlang

PENGETUA SK Kompleks Sultan Abu Bakar, Johor, Zuikarnain Masrin berharap program Sekolah PINTAR ini dapat diteruskan kerana ia mampu melahirkan murid yang bermotivasi dan berprestasi tinggi.

"Hasilnya, prestasi sekolah meningkat 5 hingga 10 peratus kepada 82 peratus dengan GPS 172 peratus.

"Di samping prestasi akademik, program ini juga meningkatkan prestasi sahsiah mereka," katanya.

Katanya, melalui pendekatan ini pelbagai program dirancang seperti motivasi UPSR bahasa Inggeris dan Sains, program *coral speaking* dan pelbagai lagi.

"Kami juga mewujudkan program keselamatan jalan raya termasuk gelanggang dalam sekolah untuk memastikan mereka turut berdisiplin," katanya.

Selain itu, melalui peruntukan yang diberikan, murid-murid turut didedahkan dengan aktiviti di luar bilik darjah seperti membuat lawatan ke UM Land Nusajaya.

"Kami amat berterima kasih dengan sokongan korporat ini yang membawa sekolah kami menjadi sekolah kluster kecemerlangan," katanya.

UEM Sunrise Bhd. merupakan penaja program PINTAR di ASK Kompleks Sukan Abu Bakar.

PENGETUA SK Kuala Berang, Terengganu, Ahmad Fuad Zakaria berkata, program Sekolah PINTAR ini perlu diteruskan kerana ia memberi banyak manfaat dalam membantu meningkatkan prestasi akademik sekolah dengan cemerlang.

Katanya, ini kerana ibu bapa SK Kuala Berang terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana dan sumbangan yang diberikan ini begitu bermakna.

Beliau berkata, hasilnya, pencapaian sekolah sentiasa meningkat sejak tahun 2009 lagi sehingga tahun ini.

"Melalui kerjasama ini, ia mewujudkan suasana 'menang-menang' antara pihak korporat yang membantu sekolah," katanya.

Headline	Program PINTAR latih 60,000 pelajar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Supplement	Page No	A11
ArticleSize	377 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	IDR 182,811,429		

Menurutnya, pelbagai program dilaksanakan untuk membantu meningkatkan pembelajaran seperti motivasi, imam muda, teknik menjawab soalan dan lain-lain lagi. status 'Sekolah Kluster Kecemerlangan' pada tahun ini," katanya. Tenaga Nasional Berhad merupakan penaja program PINTAR di SK Kuala Berang.

"Sehinggakan melalui kerjasama ini SK Kuala Berang menerima

